

Aidilfitri perkukuh ikatan sosial, identiti negara

Dr Noor Zuraidin Mohd Safar,
Pengarah Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Kehangatan Syawal masih lagi terasa apatah lagi dengan kisah kesesakan jalan raya mencecah 19 hingga 23 jam yang dialami sebahagian daripada kita. Hal ini menjelaskan tradisi pulang berhari raya atau balik kampung antara aspek yang paling dinantikan dalam perayaan ini.

Bagi mereka yang bekerja atau belajar jauh dari kampung halaman, hari raya adalah masa yang paling sesuai untuk kembali bersama keluarga dan sanak saudara. Ia bu-

kan sekadar perayaan, tetapi juga peluang untuk mengukuhkan hubungan keluarga dan menjalin hubungan persaudaraan yang erat.

Namun, satu lagi aspek penting dalam perayaan ini adalah semangat kesyukuran. Selepas sebulan berpuasa dan beribadah dengan penuh kesungguhan, Aidilfitri adalah waktu untuk bersyukur kepada Allah SWT atas segala nikmat diberikan. Ia mengajar kita menghargai rezeki yang diberikan, termasuk kesihatan, keluarga dan kebahagiaan.

Bagaimanapun, sambil kita merayakan kegembiraan, penting juga untuk mengingati nilai-nilai dan ajaran Islam. Hari raya bukan sekadar perayaan dunia, tetapi juga amalan keagamaan yang mengajar kesederhanaan, kemesraan dan kemanfaatan. Ia mengingatkan kita sentiasa memperbaiki diri dan mengeratkan lagi hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia.

Dalam konteks Malaysia, hari raya juga adalah masa untuk merasai kepelbagai budaya dan tradisi. Daripada masakan tradisional seperti ren-

dang, ketupat dan lemang, hingga pakaian tradisional seperti baju kurung, baju Melayu dan baju kebaya, hari raya memperlihatkan keindahan kebudayaan yang kaya dan berwarna-warni.

Penyatuan kaum, wujudkan persefahaman

Hari raya di Malaysia juga berperanan dalam penyatuan kaum dan mewujudkan persefahaman antara pelbagai etnik dan budaya yang wujud di negara ini. Perayaan ini menjadi titik pertemuan



bagi masyarakat Malaysia untuk bersatu dalam semangat kebersamaan, solidariti dan hormat-menghormati antara satu sama lain.

Ini tidak hanya memperkuatkkan ikatan sosial dalam kalangan masyarakat, tetapi juga mengukuhkan identiti negara sebagai sebuah watan yang kaya dengan kepelbagaiannya budaya dan perpaduan harmoni di antara pelbagai etnik. Tradisi berkunjung ke rumah ahli keluarga dan sahabat handai daripada pelbagai latar belakang etnik dan agama membawa bersama suasana kehangatan dan kegembiraan yang menyatukan hati. Inilah yang membuatkan hari raya di Malaysia menjadi bukti keharmonian dan kepelbagaiannya budaya yang menjadi kebanggaan bersama.

Namun, di sebalik kemeriahannya dan kegembiraan, kita tidak boleh melupakan tanggungjawab kita sebagai individu dan masyarakat. Keselamatan perlu diutamakan, terutama perjalanan pulang berhari raya yang sering kali membabitkan perjalanan jauh. Memastikan kenderaan dalam keadaan baik, mematuhi peraturan jalan raya dan rehat mencukupi adalah beberapa langkah perlu diambil untuk memastikan perjalanan selamat.

Aidilfitri adalah perayaan yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan, dari aspek keagamaan dan spiritual hingga aspek budaya dan sosial. Ia adalah masa untuk merayakan kemenangan rohani, bersyukur atas segala nikmat yang diberikan dan merayakan kegembiraan bersama keluarga dan masyarakat yang merentasi pelbagai budaya. Semoga perayaan ini membawa kebahagiaan, keselamatan dan kedamaian kepada semua.